

D158

U 8767 BAH

MAHATHIR - CUEPACS

KUALA LUMPUR, 17 OKT. (BERNAMA) -- PERTEMUAN PERDANA MENTERI DENGAN CUEPACS DAN KELIMA-LIMA MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN YANG DIURA-URAKAN MASIH BELUM DITETAPKAN SUNGGUHPUN TERDAPAT LAPORAN YANG MENGATAKAN PERTEMUAN ITU AKAN DIADAKAN PADA AKHIR BULAN INI.

SUMBER DARI JABATAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BERNAMA, SETAKAT INI PEJABAT ITU MASIH BELUM MENDAPAT SEBARANG BERITA DARIPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGENAI KEINGINAN BELIAU UNTUK HADIR DI PERTEMUAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR KINI BERADA DI NASSAU, BAHAMAS MENGHADIRI PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM). BELIAU DIJANGKA PULANG KE TANAHAIR ISNIN INI.

LAPORAN AKHBAR HARI INI MENYEBUT PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM SEBAGAI BERKATA, KERAJAAN BERSETUJU MENGADAKAN PERTEMUAN ITU TETAPI BUKAN DALAM BENTUK PERUNDINGAN TETAPI SEMATA-MATA UNTUK +BERBINCANG DAN BERCAKAP-CAKAP SECARA TERBUKA+.

PRESIDEN CUEPACS ENCIK AHMAD NOR SEMALAM BERKATA, PIKET PADA 23 OKTOBER INI AKAN DITERUSKAN SELAGI TIDAK MENDAPAT JAMINAN RASMI DARIPADA PERDANA MENTERI MENGENAI PERTEMUAN YANG DIJANGKAKAN ITU. -- LAGI.

MAHATHIR - CUEPACS 2 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, Pengerusi Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, Datuk Ahmad Arshad berkata sekiranya wujud perbincangan antara CUEPACS dan Perdana Menteri, ia merupakan +sinaran yang baik+ dan melegakan semua pihak.

Sikap CUEPACS yang sedia membatalkan piket jika perbincangan diadakan menggambarkan kongres itu telah mengubah haluan dengan memikirkan kesan jangka panjang jika berpiket, katanya.

Datuk Ahmad berkata perubahan sikap dan perbincangan yang mungkin diadakan itu akan mewujudkan bentuk perundingan seterusnya.

Keadaan ini, katanya, melegakan pekebun-pekebun kecil yang sentiasa memandang berat masalah itu yang jika tidak diselesaikan boleh mewujudkan pergeseran yang lebih hangat.

Manakala pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pula mahukan semua pihak memahami kesan buruk daripada piket dan mogok oleh CUEPACS, jika tindakan itu diteruskan. -- LAGI

MAHATHIR - CUEPACS 3 KUALA LUMPUR

PENGERUSI BIRO BURUH, HAJI MOHD PADIL HAJI HARUN BERKATA JIKA KONGRES ITU BERPIKET, KEADAAN EKONOMI YANG SUDAH MELESET AKAN SEMAKIN BURUK MANAKALA PEMBANGUNAN NEGARA PULA TERJEJAS.

BELIAU BERKATA, DALAM KEADAAN EKONOMI SEKARANG, KERAJAAN TELAH MENAIKKAN GAJI KAKITANGAN KATEGORI C DAN D MEMBABITKAN ANTARA \$25 HINGGA \$35 DAN ANGGOTA CUEPACS YANG TERBABIT TELAH PUN MENIKMATINYA.

+ PERDANA MENTERI TELAH MEMBERINYA BERDASARKAN KEMAMPUAN EKONOMI NEGARA SEKARANG, + TEGASNYA.

SEMUA PIHAK, KATANYA, HARUS SEDAR BAHAWA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DI NEGARA-NEGARA LAIN JUGA MENUNTUT KENAIKAN GAJI TETAPI BUKAN PADA KETIKA EKONOMI NEGARA MEREKA MELESET.

BELANJAWAN NEGARA YANG AKAN DIBENTANGKAN PADA 25 OKTOBER INI AKAN MEMBERI GAMBARAN JELAS TERHADAP KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA, TEGASNYA. -- BERNAMA

1625MST 17 10 85